



# SIARAN MEDIA

## MALAYSIA URBAN FORUM 2024 5 hingga 8 Oktober 2024 | George Town, Pulau Pinang

### Fokus Tingkatkan Kesejahteraan Penduduk dan Kelestarian Bandar

---

**GEORGE TOWN, 5 Oktober 2024** - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menerusi agensinya iaitu Urbanice Malaysia sedang menganjurkan **Malaysia Urban Forum (MUF) 2024 bermula 5 hingga 8 Oktober 2024** bertempat di George Town, Pulau Pinang. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM) petang ini.

MUF 2024 merupakan platform perbincangan isu-isu tempatan dan penyelesaian kepada isu-isu perbandaran serta perancangan bandar yang berdaya huni. Ia bertujuan bagi mempromosikan perbandaran berpusatkan komuniti yang mampan, berdaya tahan serta inklusif.

Bertemakan "**Bandar Saya, Rumah Saya**" atau "**My City, My Home**", MUF 2024 dilihat sangat bertepatan dan relevan bagi mewujudkan rasa pemilikan dan tanggungjawab dalam kalangan penduduk bandar, memastikan bandar tetap disayangi dan boleh didiami dengan kondusif.

YB KM berkata, "Penglibatan komuniti adalah sangat penting untuk terlibat secara aktif dalam pembangunan bandar mereka, memastikan ruang bandar dibina untuk masa depan dengan penekanan yang kuat pada kelestarian, inovasi dan daya tahan komuniti."

Penganjuran MUF 2024 menampilkan **enam (6) keistimewaan** berbanding penganjurannya sebelum ini iaitu:

- i. **Pengenalan Logo Baharu MUF** - Logo baharu MUF diilhamkan daripada huruf 'M' yang mewakili Malaysia dengan elemen reka bentuk olehan seni bina dan landskap bandar negara ini. Logo ini fleksibel dan simbolik kepada sifat dinamik serta evolusi

forum ini, dan ia boleh disesuaikan untuk identiti visual sesi forum di masa hadapan. Logo ini menyatukan unsur struktur bandar dengan pendekatan yang berpandangan ke hadapan bagi memastikan kesesuaian dan kesinambungan dalam pelaksanaan seterusnya.

- ii. **Penganjuran di beberapa lokasi di George Town-** MUF 2024 akan diadakan di beberapa lokasi sekitar George Town, Pulau Pinang. Format baharu ini direka untuk mewujudkan suasana yang lebih meriah dan berpadanan dengan gaya hidup serta budaya unik Pulau Pinang. Integrasi dengan ruang sejarah dan budaya bandar ini memberikan pengalaman yang inovatif dan kreatif untuk para peserta.
- iii. **Acara Bersama *EarthFest 2024*** – MUF turut bekerjasama dengan *EarthFest 2024* untuk memeriahkan acara dengan berpaksikan identiti tempatan yang menggabungkan kelestarian pemandaran dan penglibatan komuniti.
- iv. **Citarasa Penang** - Citarasa Penang melibatkan penjaja jalanan yang mempamerkan citarasa Pulau Pinang bersama program hiburan yang menarik, memberikan peserta pengalaman menikmati makanan tempatan yang terkenal di bandar ini.
- v. **Majlis Perasmian Terbuka** - Julung kalinya acara perasmian MUF 2024 diadakan di kawasan terbuka iaitu di Padang Kota Lama. Konsep ini menyediakan suasana santai yang mesra pengunjung.
- vi. **Acara Utama MUF di Dewan Sri Pinang** - Ia merupakan sebuah tempat ikonik dengan gaya seni bina moden dan menjadi simbolik budaya masyarakat di Pulau Pinang. Ia turut mencerminkan semangat progresif bandar ini serta menjadi lambang komitmen Pulau Pinang terhadap pemeliharaan budaya dan identiti bandar moden.

MUF2024 telah disertai oleh seramai 8000 orang peserta dari dalam dan luar negara. Perbincangan ini juga telah dilakukan secara inklusif di mana pelbagai isu perbandaran semasa dari pelbagai peringkat seperti sekuriti makanan, ekonomi kitaran tempatan, , teknologi digital dan inovasi selaras dengan keperluan komuniti, perusahaan sosial dan juga reka bentuk bandar yang sihat dan sejahtera.

Persidangan yang berlangsung selama empat hari ini melibatkan pelbagai sesi dialog dan perbincangan serta pembentangan 100 kertas kerja oleh ahli panel daripada pelbagai kementerian dan agensi kerajaan, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), pakar-pakar industri,

badan professional, badan bukan kerajaan, wakil penduduk, pemegang taruh kumpulan wanita, belia, akar umbi, kanak-kanak serta ahli akademik yang menyertai perhimpunan itu dengan tema "Ruang Kita".

Antara pengisian program di sepanjang persidangan ini adalah Perhimpunan Akar Umbi, Wanita, Belia, dan Kanak-Kanak; Dialog Peringkat Tertinggi; Sesi Khas; Meja Bulat; Makmal Perbandaran; Lawatan Teknikal; *Earth Fest 2024 Music and Culture Night*, Zumba, Aktiviti Berbasikal, Pesta Makanan dan pelbagai lagi. MUF2024 turut mengiktiraf sumbangan besar daripada Digital Penang, Penang Institute, Penang Green Council, Penang Women Development Corporation, Penang Youth Development Corporation, EarthFest'24, 92 Armenian Cafe, Think City, dan Bike Commute USM yang memainkan peranan penting dalam menyokong visi dan program forum ini.

MUF 2024 merupakan anjuran bersama URBANICE dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) yang juga bertindak sebagai bandar tuan rumah. Perbadanan PR1MA Malaysia merupakan rakan strategik utama MUF2024 yang berperanan dalam mewujudkan ruang bandar inklusif melalui penyediaan kediaman yang selesa untuk kesejahteraan rakyat. Ia turut disokong oleh penaja utama seperti Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB), Malaysia Airlines dan Firefly yang menawarkan kod promosi khas kepada peserta yang melakukan perjalanan dari Kuala Lumpur ke Pulau Pinang semasa forum ini. Inisiatif ini memudahkan akses ke acara tersebut dan menggalakkan penyertaan yang lebih meluas dari seluruh negara.

Penganjuran MUF2022 ini merupakan komitmen dan usaha berterusan KPKT dalam memperkukuhkan agenda Malaysia Berdaya Huni atau "Liveable Malaysia" bagi menjamin kesejahteraan komuniti serta perancangan bandar yang mampan di Malaysia.

*#MalaysiaMADANI*  
*#StrongerTogether*  
*#DemiPertiwi*  
*#UnityInDiversity*

---

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)

